

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan perwakilan ke Perhimpunan Agung parti Mei ini supaya tidak menemui calon-calon yang bertanding bagi mendapatkan ganjaran dengan menjanjikan sokongan.

“Saya mahu ingatkan kepada bakal-bakal wakil ke Perhimpunan Agung supaya tidak berjumpa dengan bakal calon untuk mendapat sesuatu dengan berjanji akan beri sokongan atau mencalonkan mereka,” tegas Presiden UMNO itu selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di Ibu Pejabat UMNO di sini.

Perhimpunan Agung UMNO tahun ini akan menyaksikan pemilihan jawatan MT pada 11 Mei manakala Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 10 Mei.

Setakat ini kira-kira 120 anggota UMNO telah menawarkan diri merebut pelbagai kategori jawatan termasuk 10 orang bagi jawatan Naib Presiden, yang

kesahihan pencalonan akan dimuktamadkan pada persidangan bahagian bulan depan.

Sementara itu Abdullah berkata, kod etika pemilihan parti yang diputuskan MT pada mesyuarat lalu akan di-edarkan ke 165 bahagian UMNO.

“Calon-calon yang memegang jawatan sama ada dalam kerajaan dan swasta tidak boleh menyalahgunakan kuasa untuk mendapat undi,” katanya.

Beliau turut menghuraikan butiran kod etika berkenaan, iaitu:

- Calon tidak boleh membeli undi atau pencalonan.
- Calon tidak boleh memberi hadiah kepada perwakilan, tidak boleh menganjurkan atau membiayai kos perjalanan pengangkutan, penginapan serta makanan bagi perwakilan bersabit dengan kehadiran dalam persidangan perwakilan parti atau menganjurkan jawatan bagi perwakilan.

● Calon tidak dibenarkan mengeluarkan derma atau bantuan kepada perwakilan, bahagian, cawangan sebakik sahaja tarikh mesyuarat agung ditetapkan oleh MT.

● Calon dilarang menganjurkan perhimpunan, pertemuan dan jamuan melibatkan perwakilan.

● Bag-i peraturan bahagian, cawangan atau bahagian sendiri, ia tidak boleh menerima atau meminta derma atau sumber atau penganjuran untuk bahagian atau cawangan daripada calon atau wakil bersabit dengan kehadiran mereka pada mesyuarat persidangan cawangan yang diadakan.

● Bahagian atau cawangan tidak boleh menganjurkan pertemuan dengan perwakilan atau calon.

● Pencalonan di peringkat bahagian atau cawangan hendaklah mengikut keperluan perlembagaan.